

# 'Setiap inci kedaulatan negara dipertahan, tiada tolak ansur'

Anwar tegaskan Malaysia tidak akan layan tuntutan Filipina ke atas Sabah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan terus mempertahankan setiap inci kedaulatan negara dan tidak akan sesekali bertolak ansur terhadap sebarang tuntutan, termasuk berkaitan Sabah.

Kenyataan tegas itu disuarakan Perdana Menteri sambil menyatakan Malaysia tidak mungkin terlibat dalam apa-apa perundingan yang membabitkan hak dan kedaulatan negara.

Beliau berkata, walaupun adanya tuntutan Filipina terhadap Sabah, hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara itu

amat baik, termasuk hubungan peribadi beliau bersama Presiden Ferdinand Marcos Jr yang berada pada tahap sangat rapat dan akrab.

"Oleh itu, jalur (hubungan baik) ini harus dimanfaatkan untuk menjaga keselamatan. Pasukan kita harus mengerti sejarah sudah membuktikan bahawa serangan seperti yang berlaku di Sabah beberapa tahun lalu berlaku dalam keadaan tidak diduga," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Bulan Keselamatan Negara 2024, di sini semalam.

Sebelum ini tular video di media sosial mengandungi kandungan tidak berasas, mengelirukan serta mempertikai kedaulatan Sabah sebagai sebahagian dari Malaysia dan Kementerian Luar dalam kenyataan menegaskan pendirian kerajaan, Sabah sentiasa sebahagian penting daripada Malaysia.

Menurut kenyataan itu, Sabah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai

sebahagian daripada Malaysia sejak pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Sementara itu, Anwar menasihatkan nelayan dan pemancing di Laut China Selatan tidak bimbang dengan kehadiran kapal Pengawal Pantai China khususnya di kawasan sekitar Beting Patinggi Ali.

"Jangan takut, jangan takut," katanya mengulas laporan mengenai kegusaran nelayan di perairan berkenaan mengenai kehadiran kapal Pengawal Pantai China di sekitar kawasan berkenaan.

## Pantau 6 kawasan maritim

Beting Patinggi Ali terletak pada kedudukan 84 batu nautika (155 km) dari pantai Miri di Sarawak dan dalam kawasan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

Kementerian Pertahanan sebelum ini berkata, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa memantau enam kawasan maritim Malaysia merangkumi Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut

Sulawesi dan Laut Sulu untuk mengesan kapal mencurigakan dan kapal perang negara lain.

Mengulas lanjut isu keselamatan di Laut China Selatan, Anwar mengakui wujud beberapa pertikaian berkaitan hal sempadan dan maritim dengan China, namun ia sama sekali tidak mengugat hubungan baik dua negara, khususnya dalam kerjasama ekonomi dan perdagangan.

"Kita berhadapan isu Laut China Selatan tapi hubungan kita dengan Amerika Syarikat (AS), negara Barat, malah dengan China baik. Kita tidak terikut dengan kerangka diplomasi asing. Kita tentukan strategi sendiri.

"Setakat ini, kita tak ada ancaman membimbangkan. Hubungan kita baik, walaupun media Barat seolah-olah memperlihatkan nampak ada ketegangan. Hubungan kita dengan China menunjukkan masalah itu (isu di Laut Cina Selatan) boleh diselesaikan dengan rundingan dan sopan," katanya.

Anwar berkata, Malaysia bersyukur mendiami sebuah rantau paling aman di dunia, iaitu tidak

ada peperangan atau ketegangan, selain hanya wujud masalah sempadan yang kecil.

Dalam perkembangan berasingan, Anwar memaklumkan kerajaan bersetuju menyalurkan peruntukan tambahan RM100 juta tingkat kemudahan keselamatan di sempadan Malaysia dekat Kedah, Perlis dan Kelantan.

Beliau berkata, ia usaha kerajaan dalam menangani pelbagai isu dan jenayah rentas sempadan seiring komitmen Malaysia dan Thailand membangunkan kawasan bagi merancakkan ekonomi di utara Semenanjung dan selatan Thailand.

Beliau yang juga Menteri Kewangan memaklumkan akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin pada Sabtu ini bagi membincangkan isu keselamatan negara dan merancakkan ekonomi dua wilayah itu.

Anwar juga meminta pembelian aset keselamatan perlu dibuat lebih tersusun, supaya takelola dan tadbir urus perolehannya berintegriti serta menjimatkan kos kerajaan.